

Headline	Kemelut kekurangan diesel tidak jejas bekalan tenaga di Sabah		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	27 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	3	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	256 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,319
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,956



Kemelut kekurangan diesel tidak jejas bekalan tenaga di Sabah

Hayati Dzulkifli

KIMANIS: Kemelut kekurangan diesel di Sabah terutamanya di Pantai Barat tidak akan memberi kesan kepada bekalan tenaga di keseluruhan negeri.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili berkata pembekal tenaga bebas (IPP) dan janakuasa di negeri ini tidak akan mendapat kesan dengan situasi ini.

Katanya, ini adalah kerana bekalan bahan bakar di peringkat penjanaan adalah tetap, justeru IPP dan janakuasa terkecuali daripada menghadapi masalah memandangkan ia tidak tertakluk kepada kuota yang terlibat.

"Kekurangan diesel sekarang disebabkan oleh permintaan...menurut pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, kuota diesel untuk Sabah telah habis.

"Sebenarnya Sabah mempunyai kuota tersendiri berdasarkan corak permintaan namun tiba-tiba terdapat peningkatan permintaan disebabkan oleh cuaca baik dan pemain industri perladangan menggunakan banyak diesel dan sebagainya. Inilah alasan yang diberikan Kementerian," katanya.

Dr. Ongkili berkata demikian kepada wartawan selepas kunjungan kerja di projek Loji Janakuasa Kimanis (KPP) di sini pada Jumaat.

Turut hadir adalah Setiausaha Tetap Kementerian Datuk

Loo Took Gee, Pengerusi Suruhanjaya Tenaga Tan Sri Dr. Tajuddin Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif TNB Datuk Seri Azman Mohd dan lain-lain pegawai.

"Saya ada bercakap dengan Menteri berkenaan, Datuk Hassan Malik kelmarin dan beliau menjamin keadaan ini akan ditangani segera kerana tidak mahu bulan Ramadan terganggu begitu juga dengan sambutan Hari Raya Aidil Fitri nanti.

"Kami juga hairan mengapa terdapat peningkatan (permintaan) mendadak? Mereka mengatakan cuaca baik kerana tiada jerebu dan terdapat penggunaan besar dalam pengangkutan darat dari pengguna persendirian...mungkin daripada sektor pembinaan dan perladangan yang melebihi kuota," Dr Ongkili berkata.

Pada Jumaat, Timbalan Pengarah Sabah bagi Kementerian berkenaan Suhaimi Mat Sari berkata kementerian telah memohon tambahan sebanyak lapan juta liter diesel bagi kuota Julai untuk Sabah sebagai langkah mengatasi masalah ini.

Beliau berkata, kuota biasa bagi Sabah ialah 74 juta liter dan tambahan lapan juta lagi bertujuan menampung keperluan diesel di Sabah sepanjang Julai.

Suhaimi turut mengagak bahawa kekurangan mungkin kesan daripada musim perayaan yang menjelang tiba.

Headline	Kemelut kekurangan diesel tidak jejas bekalan tenaga di Sabah		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	27 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	3	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	256 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,319
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,956

